

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005



Wakil MIA bersama pensyarah dari Fakulti Perakaunan

MAJLIS DIALOG BERSAMA MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS (MIA) WILAYAH SARAWAK DAN FAKULTI PERAKAUNAN UiTM SARAWAK



Pada 24 Oktober 2014, Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak telah mengadakan satu majlis taklimat dan dialog bersama Institut Akauntan Malaysia (MIA) Wilayah Sarawak. Menurut Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Cik Dayang Nazari bt. Awang

Drahtman, objektif utama majlis tersebut diadakan adalah untuk memberi penerangan tepat kepada bakal-bakal graduan perakaunan UiTM Sarawak khususnya mengenai profesion perakaunan di Malaysia.

Sehingga September 2014, seramai 30,994 akauntan bertauliah telah berdaftar dengan MIA. Malaysia memerlukan 60,000 akauntan bertauliah pada tahun 2020 bagi memacu pembangunan negara maju.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh 200 orang pelajar-pelajar daripada Ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta pensyarah-pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM Sarawak. Mereka telah didedahkan dengan fungsi MIA sebagai badan pengawal bagi profesion perakaunan di Malaysia. Pelajar-pelajar diingatkan bahawa jawatan sebagai seorang akauntan hanya boleh dipegang oleh individu setelah mereka berdaftar sebagai ahli MIA.

Majlis tersebut merangkumi sesi taklimat yang terperinci dari wakil pengurusan MIA Wilayah Sarawak dan disusuli dengan sesi dialog di antara wakil-wakil MIA dengan pelajar serta pensyarah-pensyarah Fakulti Perakaunan. Perbincangan meliputi pelbagai isu-isu semasa khususnya isu-isu berkaitan piawai perakaunan, peluang pekerjaan, kualiti yang diperlukan sebagai akauntan, dan tugas-tugas penting akauntan serta tanggungjawab mereka sebagai pemacu pertumbuhan perniagaan dan negara. Perbincangan telah dipengerusikan oleh Encik Yussri Sawani, Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan.

MIA Wilayah Sarawak telah diwakili oleh Pengerusi MIA Wilayah Sarawak, Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim bersama-sama Timbalan Pengerusi, Encik Wong King Yu serta Pengurus MIA Wilayah Sarawak, Puan Eleanor Shim, Pegawai Eksekutif Kanan MIA Sarawak, Encik Teddy Edwin Capun, dan Ahli Jawatankuasa MIA Wilayah Sarawak, Cik Zahrah Sirat.

Seminar on Professionalism and Motivation in Workplace

Oleh: Muhammad Hanif Bin Rosdi

Pada 18 Oktober 2014 yang lepas, satu program bertajuk *Seminar on Professionalism and Motivation in Workplace* telah dianjurkan oleh pelajar dari Bahagian 4 dan 5, Fakulti Pengurusan Sistem Pejabat yang bertempat di Kem Belia Pueh, Sematan.

Aktiviti ini telah dihadiri oleh pensyarah Kursus HRM546/549 iaitu Puan Hajah Oriah Haji Akir serta penceramah jemputan Encik Haikal Hammad Zin. Seramai 109 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Semester 1, Semester 4 dan Semester 5, dan 26 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar Semester 4 dan Semester 5 telah turut serta dalam seminar ini. Aktiviti ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi 1, *Seminar on Professionalism and Motivation in Workplace* serta aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), dan Sesi 2, aktiviti riadah yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa aktiviti.

Program ini dijalankan bagi memenuhi keperluan silibus kursus untuk subjek HRM546/549 yang mendedahkan pelajar berkenaan dengan Pengurusan Sumber Manusia di dalam sesebuah organisasi. Aktiviti-aktiviti yang disediakan bukan sahaja fokus kepada akademik dan ilmiah malahan seminar ini turut merangkumi aktiviti dari segi sukan yang dapat memupuk semangat pasukan yang tinggi.

Kesimpulannya, program seminar ini banyak memberi manfaat kepada para pelajar terutamanya pelajar-pelajar *Office Systems Society (OSYS)* di mana mereka belajar membantu meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah secara kritis dan kritikal. Aktiviti ini juga mampu memberikan inspirasi kepada para pelajar supaya lebih yakin dan berani untuk melibatkan diri dalam dunia sebenar pekerjaan dan memberikan pengalaman kepada pelajar yang terlibat.



Penyerahan cenderahati kepada penceramah jemputan, Encik Haikal Hammad Zain

CERAMAH NUZUL AL-QURAN

Oleh: Norsinah bt Tompeng

Program ceramah sempena "Nuzul Al-Quran" pada 15 Julai 2014 yang lalu merupakan program berbentuk keagamaan bagi semua kakitangan dan pelajar yang beragama Islam di UiTM Sarawak. Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Tamri Arrim dari Pejabat HIKMAH, Kota Samarahan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peristiwa penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat dan menjadikan kitab tersebut sebagai satu mashaf yang menjadi pegangan umat Islam sehingga kini. Apabila al-Quran dikatakan menjadi mukjizat terbesar kepada Nabi Muhammad s.a.w, maka ia memberi makna yang terlalu besar kepada umat Islam terutamanya dalam merungkai rahsia-rahsia isi al-Quran. Program ini juga diadakan bagi membentuk rohani yang baik di kalangan kakitangan dan pelajar-pelajar Islam, di samping mengeratkan ikatan ukhuwah di kalangan kakitangan dan pelajar UiTM.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**